



Ruj. Kami : (41) dlm. PKR(L) 2/1/90
Tarikh : 26 November 2021

**SEMUA PENGILANG/PEMBEKAL BAHAN/BARANGAN ROAD LIGHTING
LUMINAIRES (LED)**

Tuan/Puan,

**PERKARA: MAKLUMAN PENETAPAN KADARAN KUASA (RATED WATTAGE)
BAGI PENDAFTARAN BAHAN/BARANGAN ROAD LIGHTING
LUMINAIRES (LED)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Bahan, Cawangan Kejuruteraan Elektrik Bil.11/2021 telah membuat ketetapan hanya menerima permohonan pendaftaran bahan/barangan **Road Lighting Luminaires (LED)** dengan kadaran kuasa (*rated wattage*) **100W, 120W, 150W, 180W, 200W, 240W dan 280W**.

3. Ketetapan ini mula berkuatkuasa pada **15 Oktober 2022**. Bagi permohonan pembaharuan yang mana pendaftarannya akan tamat tempoh sebelum tarikh kuatkuasa, kelulusan bersyarat akan diberikan sehingga 15 Oktober 2022. Selepas tarikh tersebut, bahan/barangan yang tidak mematuhi ketetapan ini akan ditamatkan kelulusan dan dikeluarkan daripada EMAL. Tuan/puan selaku pengilang/pembekal berdaftar hendaklah memastikan bahawa bahan/barangan yang didaftarkan mematuhi perkara ini.


4. Dimaklumkan juga, ketetapan ini akan dimasukkan dalam pindaan **L-S20 : Specification for Road Lighting Installation** dan hebahan penggunaan spesifikasi terkini akan dibuat apabila ianya siap kelak. Pihak tuan boleh menghubungi pegawai Unit Pensijilan Bahan dan Standard, CKE di talian 03-26189907 untuk sebarang maklumat lanjut.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03597



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS 00227



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00604



CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.: EnMS 00111

Ruj. Kami : (41) dlm. PKR(L) 2/1/90
Tarikh : 26 November 2021

**PERKARA: MAKLUMAN KETETAPAN KADARAN KUASA (RATED WATTAGE)
BAGI PENDAFTARAN BAHAN/BARANGAN ROAD LIGHTING
LUMINAIRES (LED)**

Sekian, terima kasih.

**” WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



(Ir. HANIZAN BINTI SHAFFII)

Pengarah Kanan *hw*

Cawangan Kejuruteraan Elektrik
b/p Ketua Pengarah Kerja Raya
JKR Malaysia.

Edaran Dalaman

1. Pengarah Perunding Rekabentuk
2. Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Unit Perunding Rekabentuk Jalan dan Pengangkutan
3. Float UPBS